



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


2 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,166 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **86,889 kes**. Tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 580 menjadikan jumlah kumulatif 78,093 orang. Seramai 4,404 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 899 orang di hospital, 3,454 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 47 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 113 orang dan 31 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan berubah dari zon kuning ke zon jingga

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 24 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning satu (1) daerah

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1,166) kes iaitu peningkatan sebanyak (164) kes berbanding (1,002) kes yang dicatatkan semalam (01 Ogos 2021).
- b. Jumlah kes hari ini adalah yang tertinggi setakat ini iaitu (1,166) kes. Kota Kinabalu sahaja mencatat (234) kes baharu, Penampang (123) kes, Tawau (106) kes, Beaufort (84) kes, Tuaran (83) kes, Papar (73) kes, Kunak (68) kes, Sandakan (61) kes, Keningau (59) kes, Tenom (41) kes, Ranau (40) kes dan Telupid (38) kes. Tidak ada daerah yang mencatatkan sifar (0) kes.
- c. Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Tenom iaitu Kluster Sibulu yang melibatkan tempat tinggal pekerja di sebuah tapak binaan syarikat hidro dengan catatan (35) kes pada hari ini
- d. Saringan Kontak Rapat terus menyumbang kes positif yang terbanyak iaitu (674) kes atau 57.8%, Saringan Bergejala (171) kes atau 14.67% dan sebanyak (147) kes atau 12.61% daripada kluster-kluster yang sedia ada. Jumlah kontak rapat yang begitu tinggi adalah satu petunjuk bahawa begitu ramai orang sudah terdedah kepada jangkitan COVID-19.
- e. Dalam situasi di mana virus sudah tersebar luas dalam masyarakat dan dalam kawasan yang luas, lockdown bukan lagi kaedah yang berkesan untuk membendung penularan. Apa yang perlu dibuat ialah mempercepatkan vaksinasi di kalangan penduduk. Sabah telah menerima bekalan vaksin yang banyak pada minggu ketiga bulan Julai. Sejak 21 hingga 31 Julai 2021, JKNS telah berjaya memberi 374,214 dos vaksin. Menjadi harapan untuk meneruskan vaksinasi pada kadar purata 50 ribu dos sehari dalam bulan Ogos.

- f. Sejumlah 70.29% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (322) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (495) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (674) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	147	12.61%
2	Bergejala	171	14.67%
3	Kontak Rapat	674	57.80%
4	Bersasar	134	11.49%
5	Lain-lain	40	3.43%
JUMLAH		1,166	100%

- b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (01 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/08/2021	Catatan Kes 02/08/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	171	234	+63
2	Kunak	7	68	+61
3	Beaufort	28	84	+56
4	Papar	30	73	+43
5	Tenom	7	41	+34
6	Penampang	100	123	+23
7	Kota Belud	15	29	+14
8	Keningau	47	59	+12
9	Tuaran	73	83	+10
10	Beluran	7	14	+7
11	Ranau	34	40	+6
12	Kuala Penyu	9	14	+5
13	Lahad Datu	10	14	+4
14	Pitas	1	5	+4
15	Tambunan	2	6	+4
16	Putatan	17	20	+3
17	Tongod	4	4	Kekal
18	Semporna	3	3	Kekal
19	Nabawan	1	1	Kekal
20	Sipitang	90	21	-69
21	Tawau	171	106	-65
22	Sandakan	75	61	-14
23	Kudat	16	2	-14
24	Kota Marudu	17	8	-9
25	Kinabatangan	22	14	-8
26	Kalabakan	5	1	-4
27	Telupid	40	38	-2
JUMLAH		1,002	1,166	+164

- c. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Tiada daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini.

d. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan	
Kota Kinabalu	5	122	60	27	20	234
Penampang	25	89	8	0	1	123
Tawau	14	63	28	0	1	106
Beaufort	0	77	6	0	1	84
Tuaran	0	61	6	11	5	83
Papar	7	55	10	0	1	73
Kunak	0	16	0	52	0	68
Sandakan	0	20	15	25	1	61
Keningau	7	30	5	17	0	59
Tenom	35	5	1	0	0	41
Ranau	5	32	1	2	0	40
Telupid	22	12	3	0	1	38
Kota Belud	0	20	7	0	2	29
Sipitang	5	11	5	0	0	21
Putatan	0	14	6	0	0	20
Kinabatangan	11	2	0	0	1	14
Lahad Datu	3	7	1	0	3	14
Kuala Penyu	0	14	0	0	0	14
Beluran	0	12	2	0	0	14
Kota Marudu	3	3	1	0	1	8
Tambunan	0	6	0	0	0	6
Pitas	0	1	3	0	1	5
Tongod	3	1	0	0	0	4
Semporna	0	1	2	0	0	3
Kudat	1	0	1	0	0	2
Kalabakan	1	0	0	0	0	1
Nabawan	0	0	0	0	1	1
JUMLAH	147	674	171	134	40	1,166

e. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Agora Borneo	1
	Kluster Jalan Mat Salleh	1
	Kluster Tembok Kota Kinabalu	3
Kudat	Kluster Jeti Kudat	1
Keningau	Kluster Gerbang Kauran	1
	Kluster Jalan Patikang Ulu	5
	Kluster Kayu Patikang	1
Penampang	Kluster Jalan Penampang	25
Papar	Kluster Jalan Mat Salleh	4
	Kluster Kebun Lama	3
Kota Marudu	Kluster Gunsapau	3
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	5
Tenom	Kluster Sibulu	35
Ranau	Kluster Simpang 3 Ranau	5
Lahad Datu	Kluster Jalan Tungku	3
Tongod	Kluster Jalan Corak	3
Tawau	Kluster Lahat-Lahat	14
Kinabatangan	Kluster Tinabau	11
Kalabakan	Kluster Agathis	1
Telupid	Kluster Gambaron 2	2
	Kluster Tembidong Bidong	20
JUMLAH		147

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sibulu - Tenom merupakan penularan jangkitan COVID-19 di tempat kerja iaitu tapak binaan hidro dalam Mukim Kuala Tomani. Kes indeks adalah jurumampat lelaki, 46, bukan warganegara, dan tinggal di Kem 3, Sibulu. Kes indeks mula bergejala sejak 24 Julai 2021 sebelum disahkan positif di Klinik TMC Tenom pada 27 Julai 2021 dan telah dimasukkan ke PKRC untuk rawatan lanjut. Daripada 114 sampel yang telah diambil, 55 sampel dikesan positif COVID-19 termasuk 35 kes baharu pada hari ini. Manakala, 54 sampel didapati negatif sementara lima (5) lagi sampel masih menunggu keputusan ujian saringan.

7 Jumlah kapasiti katil 6,078 unit

- Hospital 1,023 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,183 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 872 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 72.39%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 02 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1151
Import A	0
Import B	4
OKT/Bantuan	11
Jumlah	1,166

Import B	
Selangor	1
Kedah	1
WP Kuala Lumpur	2
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	993
Bukan Malaysia	173
Jumlah	1,166

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Tidak Layak Vaksin	304
Belum Vaksin	649
Dos 1	121
Dos 2	92
Jumlah	1,166

iv. Umur

Umur	
<1	19
1 to 5	70
6 to 17	215
18 to 59	793
>60	69
Tiada Data	0
Jumlah	1,166

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 02 Ogos 2021)
1	Kota Kinabalu	39
2	Penampang	17
3	Tawau	17
4	Keningau	14
5	Tuaran	13
6	Beaufort	12
7	Sandakan	12
8	Sipitang	12
9	Kudat	7
10	Papar	5
11	Kinabatangan	4
12	Putatan	4
13	Kota Belud	3
14	Ranau	3
15	Telupid	2
16	Tenom	2
17	Beluran	1
18	Kota Marudu	1
19	Kuala Penyu	1
20	Kunak	1
21	Lahad Datu	1
22	Tongod	1
JUMLAH		172

D ISU VAKSINASI DAN PEMATUHAN SOP

- 1 Jumlah 1,166 kes COVID-19 yang direkodkan di Sabah pada hari ini, menyaksikan 18.2 peratus (213 kes) jangkitan berlaku ke atas golongan yang telah divaksinasi iaitu 92 individu lengkap vaksin dan 121 individu Dos 1. Ini menunjukkan kelalaian masyarakat dan tahap pematuhan SOP yang masih lemah.
- 2 Berbanding jumlah keseluruhan, 26.1 peratus (304 kes) merupakan jangkitan dalam golongan yang tidak layak vaksin, manakala 55.7 peratus (649 kes) adalah golongan yang masih menunggu giliran untuk vaksinasi.
- 3 Pecahan angka mengikut umur turut memperlihatkan golongan aktif berumur 18 hingga 59 tahun sebagai kumpulan yang mencatat kes paling tinggi dengan 793 kes. Ia diikuti golongan berusia 6 hingga 71 tahun dengan 215 kes.
- 4 Penularan jangkitan COVID-19 hari ini, turut menjangkiti golongan yang seharusnya diberi perhatian yang lebih oleh ahli keluarga. Ia merangkumi 19 kes bayi berusia setahun ke bawah, 70 kes kanak-kanak dalam lingkungan umur setahun hingga 5 tahun dan 69 kes bagi golongan warga emas.

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) Lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Selagon• Kampung Binsulok	4 Ogos 2021	17 Ogos 2021

F PELANJUTAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti- lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Pituru Kinarut, Papar, Sabah	3 Ogos 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 4 Ogos – 17 Ogos 2021

G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Beverly Hills Fasa 1• Cybercity Fasa 2	21 Julai 2021	Ditamatkan pada 3 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Marau, Sipitang, Sabah	21 Julai 2021	Ditamatkan pada 3 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Kebawang, Sipitang, Sabah	21 Julai 2021	Ditamatkan pada 3 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

4.	Kampung Meruntum, Putatan, Sabah	21 Julai 2021	Ditamatkan pada 3 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
5.	Empat (4) Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Jalan Kampung Likas Simpang 3 • Api-api Centre • Taman Ujana Kingfisher, Likas • Kampung Salut, Telipok 	21 Julai 2021	Ditamatkan pada 3 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **29,422** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 826,602 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **5,110** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 342,448 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 13,689 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,196,392 (Mysejahtera 1,112,210: Laman Web 83,918: Talian Vaksinasi 264) bersamaan 43.4%.

I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **371,801** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 215 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,842 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 164 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda dan dua (2) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 55 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 19 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- Empat (4) Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
- Sembilan (9) Orang : Premis Gagal Mematuhi Masa Operasi Yang Dibenarkan
- Sembilan (9) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 10 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
- Satu (1) Orang : Individu gagal Mematuhi Arahan Sub Section 11 (5) Akta 342

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 111 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kastam 1967.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,279 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Sebanyak 10 notis/amaran telah dikeluarkan di Keningau.

- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 182 premis perniagaan dan 217 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 201 Premis Perniagaan melibatkan 137 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 98 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 145 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 76 hebahan di seluruh Sabah.

K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	96.5%
2	Papar	96.5%
3	Kota Belud	96.5%
4	Kota Marudu	96.5%
5	Tenom	96%
6	Beluran	96%
7	Beaufort	96%
8	Sipitang	96%
9	Semporna	96%
10	Kunak	96%
11	Kinabatangan	96%
12	Penampang	96%
13	Sandakan	96%
14	Keningau	95%
15	Tawau	95%
16	Ranau	95%
17	Lahad Datu	95%
18	Tuaran	95%
19	Kudat	94.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II